


Kesan Perubahan Harga Bahan Api Ke Atas Tarif Elektrik

Kerajaan menetapkan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia berdasarkan rangka khusus yang digunakan di seluruh dunia, iaitu Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR). Pengiraan di bawah IBR itu menggunakan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT), bagi membolehkan harga bahan api diselaraskan pada setiap enam bulan. Ini bermakna, kita akan bayar lebih rendah jika harga bahan api turun dan sebaliknya, seperti tertera dalam bil elektrik masing-masing.

Penjanaan elektrik banyak bergantung kepada bahan api fosil seperti arang batu dan gas asli termasuk gas asli cecair (LNG). Disedari atau tidak, sejak 2015, harga bahan api kekal rendah, lantas membolehkan penjimatan sebanyak RM4.1 bilion dan faedahnya dinikmati pelanggan dalam bentuk rebat.

Bagaimanapun, dalam tempoh enam bulan lalu, harga arang batu global meningkat dengan ketara diikuti dengan kesan turun naik kadar tukaran telah meningkatkan lagi harga arang batu untuk sektor tenaga. Di samping itu, harga untuk gas berpaip domestik juga terus meningkat setiap enam bulan sejajar dengan program rasionalisasi subsidi.



Manfaat ICPT kepada pelanggan

- ⚡ Penjimatan daripada pengurangan kos bahan api berjumlah RM4.1 bilion dikongsi dengan pelanggan dalam bentuk rebat sejak 2015.
- ⚡ Harga elektrik yang berpatutan.